

ACETIN® SACHET

Acetylcysteine (100mg, 200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

- 1. Apakah kegunaan ACETIN
- 2. Bagaimana ACETIN berfungsi
- 3. Sebelum mengambil ACETIN
- 4. Cara menggunakan ACETIN
- 5. Semasa menggunakan ACETIN
- 6. Kesan-kesan sampingan
- 7. Cara penyimpanan dan pelupusan ACETIN
- 8. Maklumat lanjut
- 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- 10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ACETIN

ACETIN digunakan:

- Sebagai rawatan tambahan untuk penyakit paru-paru yang kronik.
- Sebagai penawar terlebih dos acetaminophen.

Bagaimana ACETIN berfungsi

Acetylcysteine tergolong dalam sekumpulan ubat yang dipanggil *mucolytic* yang berfungsi untuk mencairkan kahak supaya ia lebih mudah dikeluarkan.

Sebelum mengambil ACETIN

Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan ACETIN sekiranya:

- Anda alah kepada acetylcysteine atau mana-mana bahan terkandung produk ini.
- Anak anda bawah umur 2 tahun.
- Anda mempunyai keadaan dipanggil *phenylketonuria* kerana produk ini mengandungi sejenis bahan dipanggil aspartame.

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ACETIN sekiranya:

- Anda menghidap penyakit asma. Anda perlu dipantau

- dengan teliti semasa mengambil ubat ini.
- Anda hamil, sedang menyusu atau sedang merancang keluarga.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat *activated charcoal* harus dielakkan dalam rawatan acetaminophen kerana ia boleh mengurangkan penyerapan ubat oral acetylcysteine.

Cara menggunakan ACETIN

Berapa banyak harus digunakan

ACETIN:

Dewasa dan kanak-kanak selepas 6 tahun: 2 sachet 3 kali sehari.

Kanak-kanak 2-6 tahun: 2 sachet 2 kali sehari.

ACETIN-200:

Dewasa dan kanak-kanak selepas 6 tahun: 1 sachet 2-3 times a day.

Kanak-kanak 2-6 tahun: 1 sachet 2 kali sehari.

Setiap sachet harus dilarutkan dalam setengah gelas air.

Bila perlu digunakan

Guna seperti diarahkan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Guna seperti diarahkan doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika terlupa mengambil dos anda, ambilnya secepat mungkin.

Sekiranya sudah dekat dengan dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya sahaja.

Jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos acetylcysteine mungkin menyebabkan kesan sampingan yang lebih teruk. Hubungi doktor anda

atau dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Jika boleh, ambil sachet, kotak dan risalah ini untuk rujukan doktor.

Semasa menggunakan ACETIN

-Perkara yang perlu dilakukan

Selepas mengambil acetylcysteine, anda mungkin mendapat peningkatan dalam jumlah kahak. Batukkan kahak keluar untuk memastikan saluran pernafasan anda tidak tersekat. Sekiranya anda mengalami kesukaran bernafas selepas mengambil ubat ini (terutamanya jika anda mempunyai asma), hentikan pengambilan ubat ini dan dapatkan rawatan dengan segera.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat-ubatan lain tidak seharusnya diambil bersama larutan ACETIN.

Jangan simpan larutan ACETIN untuk kegunaan lain kali. Setelah dilarutkan air, ambil dengan segera.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

ACETIN mengandungi pewarna makanan yang bernama *Sunset Yellow*. Jika anda alah kepada bahan ini atau bahan-bahan lain terkandung ubat ini, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, ACETIN boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan produk ini tersenarai dibawah:

- Radang pada mulut dan bibir
- Loya dan muntah-muntah.
- Demam.
- Mata dan hidung berair.
- Mengantuk.
- Sesak dada.
- Pengecilan saluran pernafasan menyebabkan kesukaran bernafas.

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan diatas atau apa-apa kesan sampingan yang tidak tersenarai, berhenti mengambil ubat ini dan

ACETIN® SACHET

Acetylcysteine (100mg, 200mg)

dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya. Simpan dalam bekas asal untuk melindunginya dari kelembapan. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan lupuskan ubat melalui sistem kumbahan air atau melalui sistem pembuangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu memelihara alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

ACETIN dan ACETIN-200 ialah serbuk granul berwarna oren.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Acetylcysteine
- Bahan tidak aktif
 - Strawberry powder, citric acid anhydrous, saccharin sodium, dextrose anhydrous, aspartame, sunset yellow, purified water.

Nombor MAL

MAL20031945X (ACETIN)

MAL20031944X (ACETIN-200)

Pengilang

L.B.S. Laboratory Ltd., Part.

602 Soi Panichanan, Sukhumvit 71 Rd., Bangkok 10110 Thailand

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd.

74-3, Jalan Wangsa Delima 6, KLSC Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-30/04/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)090418/00099